

PILIHANA RAYA - SABAH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- PARTI BERSATU SABAH (PBS) DAN USNO AKAN MENGGUNAKAN SIMBOL BERASINGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM INI, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PBS AKAN MENGGUNAKAN SIMBOL PARTINYA SENDIRI MANAKALA USNO BERSETUJU MENGGUNAKAN SIMBOL BARISAN NASIONAL (BN).

PERSETUJUAN ITU DICAPAI DALAM PERUNDINGAN ANTARA PERDANA MENTERI DENGAN KEDUA-DUA PRESIDEN PARTI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN DAN TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUMUMKAN PEMBUBARAN PARLIMEN DI SINI.

MENURUT PERDANA MENTERI, KEDUA-DUA PARTI JUGA BERSETUJU MENGEKALKAN PEMBAHAGIAN KERUSI YANG DIBERI PADA PILIHAN RAYA TAHUN 1986 IAITU 14 UNTUK PBS DAN ENAM BAGI USNO.

+KEDUA-DUA PARTI JUGA MEMBERI PENGAKUAN UNTUK MEMBERI KERJASAMA MEMBANTU CALON-CALON BN MENCAPAI KEMENANGAN WALAUPUN MASING-MASING MENGGUNAKAN SIMBOL YANG BERLAINAN+, KATANYA.

KATANYA, EKORAN PERSETUJUAN ITU, PERUNDINGAN ANTARA KEDUA-DUA PARTI YANG SEPATUTNYA DIADAKAN ESOK DI KOTA KINABALU DIBATALKAN. -- LAGI.

1905MST 04 10 90

U B600 BAH
PILIHAN RAYA - SABAH 2 KUALA LUMPUR

KERUSI-KERUSI YANG AKAN DITANDINGI OLEH USNO IALAH DI MARUDU, LIMBAWANG, SEMPORNA, PAPAR, KINABATANGAN DAN SILAM.

MANAKALA PBS AKAN BERTANDING DI BANDAU, KOTA BELUD, TUARAN, KINABALU, JAMBONGAN, SANDAKAN, KENINGAU, PENAMPANG, GAYA, TANGJUNG ARU, KIMANIS, PADAS, PENSIANGAN DAN TAWAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEEMPAT-EMPAT PARTI KOMPONEN BN DI SARAWAK IAITU PBDS, SUPP, SNAP DAN PBB BERSETUJU MENGGUNAKAN SIMBOL BN.

EMPAT DARIPADA 27 KERUSI DI SARAWAK, IAITU TAMBAHAN TIGA KERUSI BERBANDING DENGAN PILIHAN RAYA LEPAS, AKAN DIBERI KEPADA PBDS MANAKALA SELEBIHNYA AKAN DIKONGSI ANTARA SUPP, SNAP DAN PBB.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG DIJADUALKAN ISNIN DEPAN AKAN DIPERCEPATKAN KEPADA SABTU INI BERIKUTAN PEMBUBARAN PARLIMEN. -- LAGI.

1913MST 04 10 90

D694

U B602 BAH
PILIHAN RAYA - SABAH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU TURUT MENJELASKAN BAHAWA PPP TIDAK AKAN BERTANDING DI TIGA KAWASAN NEGERI YANG DIPERUNTUKKAN KEPADANYA. OLEH ITU UMNO, MCA DAN GERAKAN MASING-MASING AKAN DIBERI SATU KERUSI TAMBAHAN.

APABILA DITANYA MENGENAI KEDUDUKAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MENJANGKAKAN DR LIM AKAN BERTANDING PADA PILIHAN RAYA INI.

+SEKIRANYA BELIAU MENANG SAYA PERCAYA BELIAU AKAN KEKAL SEBAGAI KETUA MENTERI,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1916MST 04 10 90